

22/06/2001

Jamaludin anggap amanat presiden satu cabaran

TOKOH korporat menyifatkan ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung pencapaian rendah Bumiputera dalam perniagaan sebagai cabaran bagi mereka berusaha lebih gigih dan melaksanakan perubahan minda dalam pendekatan perniagaan.

Pengerusi Tenaga Nasional Bhd (TNB), Datuk Jamaludin Jarjis, berkata apa yang dikatakan Presiden Umno itu adalah sesuatu yang tidak boleh dinafikan kerana walaupun sejak 43 tahun lalu pelbagai bantuan diberi bagi membantu peniaga Bumiputera, pencapaiannya boleh dipertikaikan.

"Walaupun pencapaiannya baik jika dibandingkan dengan kedudukan orang Melayu pada masa dulu, jika dibandingkan dengan bangsa lain, kita begitu jauh ketinggalan," katanya.

Sehubungan itu, Jamaludin yang juga Ahli Majlis Tertinggi Umno berkata bagi memastikan peniaga Bumiputera mampu bersaing secara berkesan dengan bangsa lain, mereka perlu merubah minda dalam perniagaan.

"Peniaga Melayu mesti sanggup bekerja keras, mempunyai sikap sentiasa mahu belajar dan menggunakan kaedah pengurusan terkini," katanya.

Namun, Jamaludin berkata sebagai pengerusi sebuah syarikat yang mempunyai ramai kontraktor yang membekalkan perkhidmatan dan peralatan, beliau dapat melihat satu perubahan sikap dalam diri peniaga Bumiputera, terutama di kalangan generasi baru.

"Peniaga generasi baru Bumiputera ini saya perhatikan sanggup bekerja keras. Kalau dulu kontrak yang diperoleh diberikan kepada bangsa lain, tetapi kini dengan kepakaran yang ada, mereka sanggup berusaha melaksanakannya sendiri," katanya.

(END)